

29 JAN 2003

Ali-Kereta

KERETA PERTAMA DARI KILANG HONDA DI MELAKA DIRASMIKAN PM

MELAKA, 29 Jan (Bernama) -- Kereta keluaran sulung kilang Honda di Kawasan Perindustrian Pegoh, Alor Gajah akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, esok.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam berkata Perdana Menteri akan tiba di majlis pelancaran itu pada pukul 10 pagi dan kira-kira 5,000 orang dijangka hadir pada majlis berkenaan.

"Kilang Honda itu memberi sumbangan besar dalam ekonomi negeri termasuk memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk di sekitar," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, hari ini.

Kilang itu dijangka mengeluarkan 10,000 unit kereta daripada empat model pada tahun pertama operasinya.

Kilang berkenaan yang dibina di kawasan seluas 32 hektar dan merupakan ketiga terbesar di Asia Tenggara selepas Thailand dan Filipina, menelan kos sebanyak RM170 juta dengan jangkakan keluaran sebanyak 20,000 unit kenderaan setahun dan akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

Honda Motor Company Ltd dari Jepun memiliki 51 peratus daripada ekuiti Kilang Honda itu manakala DRB-Hicom Bhd memiliki 34 peratus dan Oriental Holding Bhd pula memiliki 15 peratus.

Ketua Menteri juga berkata kerajaan negeri dengan kerjasama Persatuan Melayu Islam Sri Lanka akan mengadakan pertemuan Dunia Melayu Dunia Islam (DMDI) di Sri Lanka pada 3-7 Mei depan.

Mohd Ali berkata DMDI anjuran Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme (IKSEP) pula akan diadakan di Melaka pada Oktober depan.

Beliau berkata Kerajaan Negeri juga bersetuju untuk memberi sumbangan sebanyak 100,000 bantuan kepada beberapa persatuan sukarela Cina di Melaka, RM200,000 bantuan kewangan untuk Sek Men Pay Fong serta RM100,000 membiayai sebahagian kos Pesta Kebudayaan anjuran Dewan Perhimpunan Cina Melaka.

Sementara itu ketika melancarkan Skuad Penyelamat Integrasi (SPI) di Air Keroh, beliau berkata skuad itu akan mempercepatkan proses penghantaran mangsa kemalangan jalan raya ke hospital kerana salah satu punca kematian ketika kemalangan ialah masalah kelewatan menghantar mangsa ke hospital.

Beliau berkata sebuah bangunan di persimpangan lampu isyarat di Air Keroh yang meletakkan empat agensi iaitu polis, Pasukan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan St Johns Ambulan akan bekerjasama apabila mendapat panggilan mengenai sesuatu kemalangan.

"Mereka akan pergi sekaligus ke tempat berkenaan. Jika sekarang, apabila berlaku kemalangan mangsa terpaksa menunggu lama untuk mendapatkan bantuan daripada polis, ambulans, bomba dan sebagainya kerana tiada penyelarasan dibuat," katanya.

Menurutnya Ketua Polis Melaka akan bertindak sebagai penyelaras kepada pergerakan semua agensi di skuad berkenaan dan ia akan dibuka 24 jam, talian terus (hotline) juga akan diadakan untuk membolehkan orang ramai berhubung terus ke skuad itu sekiranya berlaku sesuatu kemalangan.

-- BERNAMA

SBS PR